



## Ekopelancongan dan analisis sosioekonomi komuniti Ulu Dong

Er Ah Choy<sup>1</sup>, Rosniza Aznie Che Rose<sup>1</sup>, Novel Lyndon<sup>1</sup>, Mohd Azlan Abdullah<sup>1</sup>, Adam JH<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Er Ah Choy (email: [ever@ukm.my](mailto:ever@ukm.my))

### Abstrak

Lata Jarum terletak di Daerah Raub, Pahang merupakan sebuah destinasi ekopelancongan yang dapat menarik pelancong dengan keindahan hutan semulajadi yang kaya dengan khazanah flora dan fauna. Ekopelancongan ialah pelancongan yang memberi impak minimum serta menyumbang kepada pengekalan habitat dan spesies hidupan secara langsung dan tidak langsung termasuklah pengekalan kebudayaan masyarakat tempatan di samping dapat meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Projek ekopelancongan Lata Jarum dapat menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Mereka berpeluang mengusahakan pelbagai jenis perniagaan seperti chalet, produk makanan tradisional, projek pertanian, perubatan berasaskan herba atau sebagai pemandu pelancong dan pengawal hutan. Penduduk setempat perlu memahami konsep ekopelancongan serta berusaha untuk melibatkan diri dalam projek eko-pelancongan. Komuniti setempat bakal menerima kesan pembangunan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Makalah ini bertujuan menganalisis sosioekonomi penduduk setempat di Mukim Ulu Dong. Kajiselidik dan temubual dilakukan terhadap informan utama iaitu penduduk di tiga buah perkampungan Melayu dan sebuah kampung Orang Asli di Mukim Ulu Dong. Kajian mendapati, majoriti komuniti di Mukim Ulu Dong bekerja sendiri dengan memperolehi pendapatan sebulan kurang daripada RM1000. Kaum belia kebanyakan mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Walau bagaimanapun, terdapat juga komuniti yang terlibat dalam perusahaan IKS seperti perniagaan kedai runcit, pembuatan kraftangan, pertanian, pengeluaran produk makanan dan perusahaan chalet namun bilangannya masih kecil. Penglibatan komuniti amat penting untuk menjadikan mereka lebih aktif dan efektif di samping dapat meningkatkan kesediaan komuniti untuk turut mencari peluang pekerjaan dalam bidang ekopelancongan.

**Katakunci:** ekopelancongan, faedah sosioekonomi, industri kecil dan sederhana, komuniti lokal, pembangunan, penyertaan sosioekonomi

## The socio-economy of local ecotourism - An analysis of the Ulu Dong community

### Abstract

Lata Jarum, located in Raub, Pahang is attracts tourists with its virgin forest and rich flora and fauna. Such ecotourism gives a minimum environmental impact, contributes to the preservation of the wildlife and improves the socio-economic status of the local community. The socio-economic benefits for the locals include a wide range of employment and businesses opportunities in the areas of chalet operation, traditional food production, agricultural projects, herbal medicine, and forest guide. Local residents need to understand the concept of eco-tourism and strive to be engaged in eco-tourism projects. This paper analyses the socioeconomic engagement of local communities in Mukim Ulu Dong by means of the findings of field interviews of key informants from three indigenous Malay villages and one aboriginal village in Mukim Ulu Dong. The results indicated that the majority of the local

community members stand to gain by further engagement in eco-tourism activities such as retail shops, handicrafts, agricultural activities, food production, hotels and chalets. Community involvement would only make them more active and effective, thus enhancing their preparedness to participate in the further development of local ecotourism.

**Keywords:** development, ecotourism, local community, SME, socio-economic benefits, socio-economic engagement

## Pengenalan

Mukim Ulu Dong terletak dalam daerah Raub, Pahang. Ulu Dong mempunyai 14 buah kampung yang terletak di kawasan yang berlainan. Satu daripadanya adalah perkampungan orang Asli Yol. Tiga buah kampung dari kampung-kampung tersebut ialah Kampung Pamah Kulat, Kampung Peruas dan Kampung Pamah Rawas. Kampung Pamah Kulat merupakan kampung dalam mukim Ulu Dong yang mempunyai keluasan sebanyak 15 km persegi dan mempunyai 150 orang keluarga serta sebanyak 1296 orang jumlah penduduk. Kebanyakan komunitinya bekerja sebagai petani, pegawai kerajaan dan swasta serta berniaga. Antara tanaman utama di kampung mereka adalah pisang, getah, koko, buah-buahan dan sayur-sayuran. Pamah Kulat merupakan sebuah kampung yang sudah membangun dan semua komunitinya memperoleh bekalan elektrik dan bekalan air yang mencukupi. Kampung ini juga terdiri dari beberapa kampung kecil yang seperti Bedu, Temalian, pamah Kulat, Sol, Yah dan Padang Peri.

Kampung Peruas adalah kampung tradisional yang terletak di Mukim Ulu Dong daerah Raub. Ia terletak di pedalaman dan keluasan kampungnya adalah 478.33 hektar atau 1,182 ekar. Pekerjaan utama komunitinya adalah pertanian seperti tanaman dokong, salak, kantan pisang, kelapa sawit, dusun campuran, durian, getah, koko, rambutan dan lain-lain. Terdapat juga industri kecil iaitu kerepek pisang, roti canai segera dan sarung parang. Jumlah penduduknya adalah seramai 328 orang serta terdiri dari orang Melayu sahaja. Kampung ini juga menerima segala kelengkapan kemudahan asas dan infrastruktur seperti tandas, masjid, klinik, bas, balai polis, tanah perkuburan dan sebagainya. Kampung ini juga menerima sepenuhnya bekalan air dan elektrik daripada pihak kerajaan dan swasta.

Manakala Kampung Pamah Rawas pula merupakan kampung tradisional di dalam daerah Raub dan mempunyai keluasan sebanyak 519 hektar. Kampung ini terdiri daripada pelbagai lapisan bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Manakala bilangan penduduknya adalah sebanyak 519 orang. Kebanyakan komunitinya adalah bekerja dalam sektor kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan bekerja sendiri. Antara tanaman yang diusahakan oleh komunitinya adalah dokong, salak, kantan pisang, kelapa sawit, getah, koko dan dusun buah-buahan. Terdapat juga pelbagai jenis ternakan dan industri kecil yang diusahakan seperti kerepek pisang, roti segera, sarung parang dan sebagainya. Walaupun kampung ini merupakan kampung tradisional, namun segala kelengkapan infrastruktur dinikmati oleh seluruh komunitinya seperti bekalan elektrik, air bersih dan astro.

Lata Jarum juga merupakan kawasan di mukim Ulu Dong dan merupakan salah satu destinasi pelancongan yang menarik. Ia terletak dalam Hutan Simpan Gunung Benum Raub yang berketinggian 246 hingga 500 meter dari aras laut iaitu 2 kilometer dari kawasan perkelahan Pulau Chekas. Tempat ini adalah di bawah pengurusan Pejabat Hutan Daerah Raub dan Cameron Highlands. Keluasan hutan lipur yang dibangunkan ini meliputi 3.05 hektar daripada keseluruhan kawasan 1,000 hektar. Kemudahan yang disediakan di Lata Jarum terdiri daripada tandas awam, bilik menyalin pakaian, surau, ruang untuk berkhemah, bangku-bangku yang dipayungi rimbunan pokok hutan, dewan dan kafeteria. Terdapat dua pilihan penginapan yang ditawarkan kepada pengunjung, iaitu sama ada bermalam di dalam khemah kanvas ataupun di chalet yang diperbuat daripada buluh. Antara daya tarikan utama di kawasan ini ialah ialah kawasan perkelahan air terjun, bunga pakma, perkhemahan dan aktiviti *jungle trekking* ([www.pahang.gov.my](http://www.pahang.gov.my)).

Hutan semulajadi yang terdapat di kawasan Lata Jarum ini menjadi aset penting kepada penduduk setempat sebagai sebuah khazanah alam yang menyimpan pelbagai rahsia fungsian terutamanya sebagai

sumber makanan. Hutan lipur memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor ekopelancongan sejajar dengan tahap pembangunan negara serta peningkatan taraf hidup masyarakat. Perkembangan kemudahan infrastruktur di kawasan hutan lipur telah dapat menarik pengunjung tempatan dan luar negara.

## Metodologi kajian


Terdapat dua jenis data digunakan iaitu primer dan sekunder. Data primer dikumpulkan melalui survei dengan 'key informant' yang terdiri daripada 9 orang iaitu pegawai jabatan / agensi kerajaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Majlis Daerah dan Tanah Raub, Jabatan Perhutanan Pahang dan Kementerian Pelancongan Pahang, pengusaha, pelancong (domestik dan antarabangsa), serta golongan komuniti (penduduk perkampungan Melayu dan Orang Asli) di Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang. Data sekunder turut dikumpulkan dari jabatan-jabatan tersebut, agensi pelancongan, dan blog sesawang berkaitan ekopelancongan. Hasil kajian lapangan diperkukuhkan melalui kaedah pemerhatian semasa lawatan tapak pada tahun 2011.

## Analisis sosioekonomi komuniti Mukim Ulu Dong

Analisis sosioekonomi dilakukan ke atas komuniti Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang merangkumi penduduk di tiga buah kampung Melayu dan sebuah perkampungan Orang Asli iaitu seramai 194 orang. Analisis dibahagikan kepada umur, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan utama bagi komuniti Ulu Dong, Raub.

### *Profil responden*

Berdasarkan Rajah 1 di bawah menunjukkan seramai 60.3 peratus responden lelaki dan 39.7 peratus responden perempuan yang ditemubual. Sebanyak 89.2 peratus merupakan warganegara Malaysia manakala 10.8 peratus adalah bukan warganegara Malaysia.



**Rajah 1.** *Jantina responden di mukim Ulu Dong*

Komuniti Ulu Dong menyambut baik projek ekopelancongan yang dibangunkan di kawasan mereka. Kepelbagaian peluang pekerjaan yang boleh dilakukan mereka menyebabkan mereka memberi tanggapan yang positif. Kepelbagaian khazanah alam seperti flora dan fauna, air terjun, sumber hutan menyebabkan Ulu Dong menjadi mukim yang boleh diterokai kerana pelbagai sumber semulajadi yang boleh digunakan oleh komuniti dalam menjadikan sumber pendapatan utama. Lebih-lebih lagi apabila Lata Jarum


dibangunkan sebagai kawasan ekopelancongan menyebabkan mereka didedahkan dengan pelbagai peluang pekerjaan. Antara pekerjaannya seperti pemandu pelancong, pengusaha dan pengurusan chalet, peniaga gerai dan sebagainya. Selain itu, galakan pelancong secara beramai-ramai juga menggalakkan perkembangan industri kecil sederhana (IKS) dengan baik.

### *Umur*

Data menunjukkan kebanyakan responden berumur antara 20 hingga 24 tahun dengan peratus sebanyak 21.3 peratus, diikuti 12 peratus bagi yang berumur 40-49 tahun, kemudian 15 hingga 19 tahun, 35 hingga 39 tahun dan 50-54 tahun iaitu masing-masing sebanyak 10.7 peratus, manakala 6.7 peratus masing-masing bagi responden berumur antara 15-19 tahun, 35 hingga 39 tahun, 50 hingga 54 tahun. Seterusnya bagi reponden yang berumur antara 30 hingga 34 tahun dan 60 hingga 64 tahun masing-masing adalah 5.3 peratus manakala yang lainnya adalah sebanyak 2.7 peratus. Majoriti responden yang berumur antara 20 hingga 24 tahun adalah golongan gunatenaga yang paling aktif. Kebanyakan mereka mengusahakan tanah ladang dan kebun milik keluarga mereka dan mengisi kekosongan jawatan dalam sektor lain yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang tinggi.

### *Tahap pendidikan komuniti*

Rajah 2 menunjukkan 34.7 peratus responden memperoleh pendidikan rendah, 20 peratus pendidikan menengah rendah, 18.7 peratus pendidikan menengah atas serta terdapat juga responden yang memperoleh pendidikan tinggi namun bilangannya rendah iaitu hanya 4 peratus. Tahap pendidikan yang rendah menyebabkan keupayaan komuniti sukar dibangunkan. Golongan komuniti yang majoritinya adalah golongan remaja dan belia adalah mempunyai tahap pendidikan rendah. Bagi masyarakat Orang Asli di Sungai Yol Ulu Dong, kebanyakan mereka juga memiliki pendidikan yang rendah. Selain assesibiliti pendidikan yang rendah, faktor membantu ibu bapa bekerja juga merupakan antara penyebab tahap pendidikan mereka rendah.




**Rajah 2.** Tahap pendidikan komuniti di mukim Ulu Dong

### *Pekerjaan utama*

Rajah 3 menunjukkan pekerjaan utama responden dalam komuniti di Mukim Ulu Dong. Peratusan yang paling tinggi ialah 70.7 peratus dari 194 responden yang bekerja sendiri. Manakala yang selebihnya ialah pekerja kerajaan iaitu 2.7 peratus, pekerja swasta dan pesara masing-masing 5.3 peratus. Namun, daripada analisis didapati tiada penganggur dicatatkan di Mukim Ulu Dong ini kerana majoriti daripada mereka

mengambil inisiatif untuk bekerja sendiri di bawah seliaan IKS dengan membuka perusahaan secara kecil-kecilan seperti perniagaan kedai runcit, pembuatan kraftangan, pertanian, pengeluaran produk makanan, perusahaan hotel dan chalet.



**Rajah 3.** *Pekerjaan utama responden*

Penglibatan komuniti khususnya golongan belia dalam kegiatan ekopelancongan Lata Jarum yang menawarkan peluang pekerjaan yang luas contohnya sebagai pemandu pelancong, “nature guide”, dan menjadi artis-artis kesenian asli mengikut keperluan ekopelancongan semakin meningkat dengan pesatnya. Manakala kegiatan lain seperti pertukangan kayu, ukiran, tenunan, lakaran dan lain-lain akan berkembang menjadi satu perusahaan yang juga akan memberi pulangan yang lumayan kepada pengusaha dari kalangan komuniti. Terdapat juga responden yang mengusahakan perniagaan kecil-kecilan di bawah IKS iaitu perniagaan sos cili yang dipasarkan di sekitar Pekan Dong dan Bandar Raub. Selain itu terdapat perusahaan produk makanan tradisional seperti sambal hitam, halwa belimbing, kerepek pisang dodol, lemang dan kuih tradisional. Manakala dalam bidang pertanian, terdapat responden yang mengusahakan kebun salak seperti yang terdapat di kawasan Pamah Kulat. Produk-produk ini dipasarkan di pasaraya, kedai runcit dan pusat pelancongan di sekitar Raub dan Kuala Lumpur. Secara tidak langsung, produk tersebut juga memberi imej budaya masyarakat Malaysia dengan makanan dan produk tradisionalnya.

Dari segi manfaat bukan berbentuk kewangan, industri ekopelancongan dapat membantu komuniti di sesebuah kawasan itu dalam membina keupayaan dan meningkatkan kemahiran mereka. Penglibatan komuniti dalam pelbagai bidang seperti pemandu pelancong, pengusaha industri desa dan penyediaan perkhidmatan pelancongan akan dapat meningkatkan kemahiran mengurus projek, memantapkan bakat kepimpinan dan pengurusan kewangan yang lebih cekap. Selain itu, pelancongan juga akan dapat membantu masyarakat desa mengekalkan warisan budaya dan adat resam yang mereka warisi sejak dahulu lagi.

#### *Pendapatan utama komuniti*

Sebanyak 42.7 peratus daripada responden memperoleh pendapatan antara RM500-RM1000 sebulan. Pendapatan ini termasuklah pendapatan daripada pekerjaan bekerja sendiri dengan mengusahakan perniagaan kecil-kecilan seperti kedai runcit, mengeluarkan produk makanan tradisional seperti kerepek, kuih-muih, dodol dan lemang. Responden yang memperoleh pendapatan antara RM1000-RM2000 adalah sebanyak 18.7 peratus. Golongan ini merupakan mereka yang menceburi bidang perusahaan yang lebih besar seperti pengeluaran sos cili yang dianggarkan boleh mencecah RM1200 sebulan. Bidang penternakan yang diceburi oleh penduduk setempat juga dapat menjana pendapatan sekitar RM1500 sebulan dengan mengusahakan kolam ikan air tawar. Industri kraftangan seperti menghasilkan kain batik dan songket juga dapat memberikan hasil yang lumayan sekitar RM2000 bergantung kepada permintaan

pasaran. Perniagaan ini dipasarkan di Raub dan Kuala Lumpur sahaja. Manakala bidang pertanian seperti perniagaan kebun salak pula dapat menjana pendapatan bulanan sekitar RM2500 sebulan.

## **Kesimpulan**

Masyarakat sekitar mukim Ulu Dong masih mengamalkan ekonomi tradisional iaitu berasaskan sumber hutan atau pertanian. Walau bagaimanapun projek eko pelancongan yang telah diperkenalkan di Ulu Dong menyebabkan masyarakat ini terdedah kepada pelbagai kegiatan ekonomi seperti industri IKS dan perusahaan chalet. Secara umum, aktiviti ekonomi di Ulu Dong boleh dibahagikan kepada tiga. Pertama industri berasaskan IKS. Bagi komuniti yang memilih untuk bekerja sendiri dan berada di bawah IKS, mereka membuka perusahaan secara kecil-kecilan seperti perniagaan kedai runcit, pembuatan kraftangan, pertanian, pengeluaran produk makanan, perusahaan hotel dan chalet. Usahasama dengan agensi kerajaan dalam mewujudkan IKS telah membantu komuniti dalam menjalankan aktiviti ekonomi terutama dari segi kewangan, khidmat nasihat dan kepakaran. Selain aktiviti eko pelancongan yang dilakukan di situ telah merencanakan aktiviti ekonomi bekerja sendiri yang dilakukan oleh komuniti Ulu Dong. Antara perniagaan yang dijalankan seperti sos cili dan produk makanan tradisional seperti sambal hitam, halwa belimbing, kerepek pisang dodol, lemang dan kuih tradisional, manakala dalam bidang pertanian seperti perusahaan kebun salak. Aktiviti ekonomi yang dilakukan melalui bekerja sendiri haruslah dilaksanakan dengan sistematik dengan bimbingan dan nasihat pihak berkenaan agar perusahaan tersebut dapat berjalan dengan baik. Kedua, bentuk ekonomi berasaskan sara diri iaitu iaitu pertanian, mencari hasil hutan seperti rotan, kayu untuk menghasilkan minyak wangi dan mengerjakan ladang kelapa sawit. Ketiga, peluang pekerjaan yang berkaitan dengan ekopelancongan misalnya sebagai pemandu pelancong. Walaupun aktiviti tersebut dipengaruhi oleh kedatangan pelancong ke Lata Jarum, namun ia dapat menjana pendapatan sampingan kepada penduduk.

Berdasarkan umur, majoriti responden adalah golongan belia berumur antara 20-24 tahun. Golongan ini adalah golongan yang amat produktif dalam membangunkan kegiatan ekonomi atas sebab kekuatan fizikal dan mental yang dimiliki. Namun, disebabkan kebanyakan golongan tersebut memiliki tahap pendidikan yang rendah, maka tahap kemajuan komuniti ini masih rendah. Pendidikan rendah yang dimiliki oleh kebanyakan responden menyebabkan mereka kurang pengetahuan dan berkemahiran, justeru risiko untuk menjadi mangsa dalam perniagaan adalah lebih tinggi. Walau bagaimanapun, keadaan ini seharusnya bukan penghalang bagi komuniti tersebut untuk membangun dan menerajui perusahaan yang boleh memberi pendapatan yang lebih besar. Oleh itu, bantuan daripada pihak kerajaan amat diperlukan dalam memberi tunjuk ajar dan panduan kepada komuniti ini agar mereka boleh berdikari sendiri dan menerajui perniagaan sehingga berjaya. Selain itu, pembangunan ekopelancongan di Lata Jarum terutamanya melalui usahasama dengan pihak kerajaan dan unit penyelidikan dari Universiti kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain telah membantu dalam membangunkan Mukim Ulu Dong dan meningkatkan kualiti hidup komuniti tersebut. Melalui kerjasama tersebut, kualiti tenaga pekerja yang ditawarkan dalam sektor ekopelancongan dapat dipertingkatkan.

## **Penghargaan**

Penulis mengucapkan setinggi penghargaan kepada Prof. Jumaat Adam, selaku ketua Projek Penyelidikan UKM HEJIM Komuniti-22-2010 Penglibatan Komuniti Lokal Dalam Pembangunan Eko-Pelancongan Di Lata Jarum, Raub Pahang dan Prof Madya Dr Er Ah Choy sebagai ketua sosioekonomi dalam projek tersebut. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada PM Dr Er Ah Choy kerana membiayai projek penyelidikan dan penerbitan melalui Dana Lonjatan Penerbitan UKM-DLP-2012-030.

## Rujukan

- Ashley C, Elliot P (2003) Just wildlife? Or a source of local development? *Natural Resource Perspectives* 85: 1-6. [cited April, 2011]. Available from: [www.odi.org.uk/nrp](http://www.odi.org.uk/nrp).
- Azima Abdul Manaf, Er Ah Choy, Rosniza Aznie Che Rose, Suhana Saad, Noordeeyana Tambi (2009) Prospek dan kemajuan sebagai destinasi ekopelancongan. *Prosiding Seminar Biokejuruteraan, Penilaian Ekosistem dan Spesies 2009*. 13-15 Apr. Shahzan Inn, Bukit Fraser, Pahang.
- Er Ah Choy (2010) Soalselidik penglibatan komuniti lokal dalam pembangunan ekopelancongan di Lata Jarum, Raub, Pahang.
- Er Ah Choy (2010) Kajian lapangan penglibatan komuniti lokal dalam pembangunan eko pelancongan di Lata Jarum, Raub, Pahang.
- Er Ah Choy, Asmahani Atan, Harsuzilawati Muhammed, Zaini Sakawi, Adam JH (2011) Analisis kelebihan kompetitif eko pelancongan di Hulu Dong, Raub, Pahang, Malaysia. *Prosiding seminar Prosiding Seminar Biokejuruteraan, Penilaian Ekosistem dan Spesies 2011*. 8 April. Puri Pujangga, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Er Ah Choy, Khairunnisa Rosly, Jumaat H. Adam, Siti Norhafizah Ahmad Tarmidzi (2011) Pembangunan eko pelancongan berasaskan komuniti di Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang. *Prosiding Seminar Biokejuruteraan, Penilaian Ekosistem dan Spesies 2011*. 8 April 2011. Puri Pujangga, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fennell D (1999) *Ecotourism*. Routledge, London.
- Lata Jarum Raub. [cited 15 April 2011]. Available from: [www.pahang.gov.my](http://www.pahang.gov.my).
- Pusat Maklumat Rakyat (2011) Kandungan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan. Available from: [http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=752:kandungan-pelan-ekopelancongan-kebangsaan&catid=320:ekopelancongan](http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=752:kandungan-pelan-ekopelancongan-kebangsaan&catid=320:ekopelancongan).
- Zaini Sakawi, Jumaat H Adam, Er Ah Choy, Maimon Abdullah (2010) Penglibatan komuniti Orang Asli dalam pengurusan persekitaran di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Prosiding Seminar Biokejuruteraan, Penilaian Ekosistem dan Spesies 2009*. 13-15 April 2009. Shahzan Inn, Bukit Fraser, Pahang.